


TERJEMAHAN TEKS DI GALERI

Russel Wong | Life IN KYOTO | IN EDO



Ke Galeri Pameran Khas



PELAN FOYER

KEHIDUPAN DI EDO X RUSSEL WONG DI KYOTO

1 *Ukiyo-e*

Ukiyo-e – “lukisan dunia terapung” - adalah genre lukisan Jepun, penghasilan cetakan, dan ilustrasi buku yang berasal dari zaman Edo (1603-1868). Popular pada zamannya sendiri, karya seniman *ukiyo-e* kini dipamerkan di seluruh Jepun dan di seluruh dunia. Karya-karya tersebut menunjukkan penduduk kota zaman Edo dalam semua aspek kehidupan. “Terapung” merujuk kepada subjek-subjek yang digambarkan dalam hasil cetakan ini yang sentiasa berubah-ubah. Tetapi cetakan blok kayu itu juga dianggap sebagai “sekilas pandang” kerana dicetak di atas kertas, dan dimaksudkan sebagai media yang menyampaikan maklumat terkini. Oleh itu, ia dianggap relevan hanya seketika.

Pelbagai subjek

Cetakan ini mempunyai fungsi praktikal - sebagai risalah, pelakat teater, poster, atau

undangan. Ia merakam dan mempopularkan pemandangan indah, mercu tanda terkenal, dan destinasi pelancongan yang popular. Ia mengabadikan lelaki tampan dan wanita cantik. Ia menggambarkan peristiwa bersejarah, legenda, teater, dan bahkan juga pornografi (cetakan shunga). Kepelbagaiannya ini mencerminkan ekonomi Edo yang semakin pesat dan perbelanjaan pengguna yang meningkat untuk riadah, membeli-belah, dan aktiviti lain yang menyenangkan – termasuk melihat dan membeli cetakan ukiyo-e.

2 Temui senimannya

Pada zaman Edo, penggemar cetakan ukiyo-e sebahagian besarnya merupakan orang kebanyakan. Seniman ukiyo diharapkan dapat menduga trend yang bakal muncul dan selalu berada selangkah di hadapan daripada apa yang sedia ada. Munculnya bakat-bakat cemerlang, generasi demi generasi, yang dapat memenuhi tuntutan tersebut. Dari segi sejarah kesenian Jepun, ini seakan satu fenomena

yang sungguh menakjubkan. Berikut adalah pilihan seniman ukiyo masyhur yang akan anda temui di pameran khas ini. Ramai yang terkenal dengan nama mereka sahaja – Hokusai, Hiroshige, Utamaro. Ramai yang memakai nama profesional, sebagai penghormatan kepada seniman atau penyair terkenal masa lalu.

Suzuki Harunobu 鈴木春信 (1725–1770)

Harunobu memainkan peranan utama dalam mengembangkan seni cetakan blok kayu berwarna-warni yang dikenali sebagai *nishiki-e*. Ia pertama kali dihasilkan sebagai kalender bergambar. Ia merupakan cetakan pertama yang mana blok-blok masing-masing digunakan untuk setiap warna (ini menjadi teknik standard). Gambar-gambar Harunobu mengenai wanita cantik (*bijin-ga*), dicirikan dengan wajah-wajah yang unisex dan badan yang langsing. Ini menjadikan Harunobu seorang seniman yang terkenal.

Kitagawa Utamaro 喜多川歌麿 (1753?–1806)

Utamaro adalah salah seorang seniman terkenal yang khusus menghasilkan karya genre *bijin-ga* (gambar wanita cantik). Beliau merupakan adiguru dalam menggambarkan keindahan dan keanggunan feminin dalam karya-karyanya. Potret separuh badan yang memaparkan pandangan skala besar subjeknya menjadi sangat popular dalam kalangan penggemar seni. Subjek Utamaro beraneka ragam: beliau menggambarkan dunia kawasan hiburan Yoshiwara – pelayan (kebanyakan dari pangkat tertinggi – *oiran*), pelacur, geisha; dan rupawan Edo yang lain – pelayan wanita, suri rumah, dan juga ibu dengan anak-anak. Utamaro melukis subjek-subjek itu dengan cir-ciri yang segar, rapi, dan dengan cemerlang menyampaikan seluruh kehidupan dan emosi dalaman mereka.

Siapa dia Utamaro?

Tidak banyak yang kita ketahui tentang kehidupan seniman ini. Di manakah beliau dilahirkan? Apakah status sosialnya – seorang samurai, petani, peniaga? Adakah beliau mempunyai isteri dan anak? Penerbitnya, Jūzaburō Tsutaya, mencadangkan agar beliau menggunakan “nama seni” Utamaro, berdasarkan nama sebenarnya. Kami tidak tahu sama ada “Kitagawa” adalah nama kelahirannya atau tidak. Kita hanya tahu bahawa Utamaro meninggal pada tahun 1806 pada usia 53 tahun.

Tōshūsai Sharaku 東洲斎写楽 (aktif 1794–95)

Sharaku adalah seniman yang paling misteri dalam dunia cetak blok kayu. Namanya muncul secara tiba-tiba pada bulan Mei 1794, bersama dengan serangkaian 28 cetakan potret pelakon ekspresif asli (*yakusha-e*), yang dikeluarkan oleh penerbit terkenal Jūzaburō Tsutaya. Sepuluh bulan kemudian, Sharaku telah hilang. Siapakah beliau? Identiti sebenarnya telah banyak dibincangkan. Teori

semasa adalah bahawa beliau mungkin Saitō Jūrobei, pelakon teater noh dari wilayah Awa (Wilayah Tokushima hari ini).

Persona penuh misteri, tetapi berkemahiran tinggi

Sharaku adalah pemerhati yang berwawasan, mampu menangkap ciri khas pelakon tertentu. Karya-karya potretnya yang luar biasa berusaha untuk mengutarakan keperibadian sebenar pelakon tanpa menyanjungi mereka. Pada zaman awalnya, Sharaku menggunakan teknik *kira-zuri* dalam pemotretan (menambahkan mika ke pigmen untuk menciptakan kesan berkilau pada latar belakang). Kemudian beliau meninggalkan *kira-zuri* demi melanjutkan dengan menggambarkan figura penuh manusia dengan menggunakan kertas ukuran sempit hosoban. Pada mulanya, beliau menandatangani karya-karyanya dengan cap mohor atas nama Tōshūsai Sharaku. Kemudian pula, hanya Sharaku yang tertera.

Siapa Sharaku?

Tiada yang diketahui tentang hidupnya kecuali beberapa karya seni agung beliau. Bilakah beliau dilahirkan? Apa nama keluarganya? Berapakah umurnya ketika beliau aktif? Dari mana beliau mendapat nama samarannya? Mengapa beliau lenyap setelah sekian lama menghasilkan karya kreatif? Kami tidak tahu.

Katsushika Hokusai 葛飾北斎 (1760–1849)

Hokusai dilahirkan pada tahun 1760 di wilayah Edo yang bernama Honjō di Sungai Sumida. Nama masa kecilnya ialah Tokitarō. Beliau dilahirkan di wilayah bandar Katsushika, di mana beliau mungkin mendapatkan nama samarannya.

Latihan dan kerjaya yang panjang

Sebagai murid Katsukawa Shunshō, Hokusai telah menghasilkan *yakusha-e* (cetakan pelakon). Cetakan pertamanya diterbitkan ketika beliau berusia 20 tahun, dengan menggunakan nama seninya Shunrō. Pada

usia sekitar 35 tahun, beliau meninggalkan studio Shunshō dan mula meneroka gayanya sendiri dalam pelbagai genre. Selain buku-buku puisi sindiran (*kyōka ehon*) dan ilustrasi untuk fiksyen popular, beliau juga menerbitkan Hokusai Manga (Lakaran oleh Hokusai), ketika berusia pertengahan 50-an tahun. Buku itu menjadi bahan rujukan utama bagi mereka yang bercita-cita seniman. Beliau turut melancarkan genre cetakan lanskap dengan karya berjudul Tiga Puluh Enam Pemandangan Gunung Fuji – ketika berusia lebih 70 tahun!

Pengaruh terhadap seni Barat

Tidak dapat dinafikan bahawa Hokusai merupakan pelukis cetak blok kayu yang paling terkenal di dunia. Hokusai diperkenalkan kepada Eropah secara tidak sengaja. Pada tahun 1850-an, pengkarya cetak Perancis, Félix Bracquemond (1833–1914), melihat sejilid Hokusai Manga yang telah digunakan sebagai bahan pembungkusan (!) untuk beberapa keping porselin yang diimport oleh

pencetaknya. Bracquemond terpesona dengan mutu lakaran dan gubahan seni yang inovatif. Penemuan yang tidak sengaja ini serta reka bentuk yang dibuatnya berdasarkan apa yang beliau telah lihat itu memacu gerakan seni Barat yang dipengaruhi gaya Jepun yang disebut “Japonisme”. Vincent van Gogh, Edgar Degas, Claude Monet, dan Gustav Klimt adalah antara para seniman yang dipengaruhi oleh cetakan Jepun.

Masyhur di seluruh dunia

Nama Hokusai menjadi terkenal di seluruh Eropah dan turut menarik perhatian para seniman gaya Impresionisme. Dalam tinjauan majalah Life pada tahun 1999 untuk memilih “100 Peristiwa dan Tokoh Paling Penting sepanjang 1000 Tahun yang Lalu”, Hokusai adalah satu-satunya warga Jepun yang disebutkan. Hokusai meninggal dunia pada tahun 1849 di Shōtenchō di Asakusa, pada usia hampir 90 tahun. Beliau dikebumikan di Seikyō-ji.

Eksentrik atau ganjil? Hokusai di sebalik tabir

Hokusai terkenal dengan keperibadiannya yang luar biasa dan tingkah laku eksentrik. Beliau sering menukar nama samaran dan tempat tinggalnya. Beliau berpindah rumah sebanyak 93 kali sepanjang hayatnya! Beliau juga telah mencipta sebuah lukisan besar Daruma (nama Jepun untuk sami Buddha, Bodhidharma), berukuran 120 lembar tatami (sekitar 200 meter persegi). Malangnya, karya tersebut musnah dalam satu serangan bom semasa Perang Dunia II. Hokusai telah berulang kali mengubah gaya dan genre karya yang beliau hasilkan.

Seniman *ukiyo* wanita?

Anak perempuan Katsushika Hokusai, yang diberi nama Ōi, menolong ayahnya, dan turut menghasilkan karya seninya sendiri. Beliau sangat mahir dengan gambar wanita cantik. Karya-karyanya sering bermain dengan kontras antara cahaya dan bayangan. Hanya beberapa contoh yang terselamat. Karya

seorang lagi seniman ukiyo turut dipaparkan dalam pameran ini. Namanya Utagawa Torijo atau Yoshitorijo (lahir pada tahun 1839). Beliau adalah anak perempuan Kuniyoshi. Carilah cetakan yang beliau hasilkan dengan kerjasama ayahnya.

Utagawa Hiroshige 歌川広重 (1797–1858)

Andō Tokutarō dilahirkan pada tahun 1797 dalam keluarga samurai berpangkat rendah, di daerah Yayosugashi, Edo. Ayahnya bertugas sebagai pemeriksa keselamatan kebakaran di istana syogun yang berhampiran. Hiroshige menjadi yatim piatu sejak kecil. Beliau menjalani perantisan dari usia 13 tahun dengan pengkarya cetak utama Utagawa Toyohiro.

Siri pengembalaan menjadikannya terkenal

Siri Hiroshige, Lima Puluh Tiga Stesen Sepanjang Tōkaidō, yang diterbitkan oleh Hōeidō pada tahun 1833, telah membuatnya terkenal. Siri ini berdasarkan pada lakaran-lakaran yang dibuat pada tahun 1832, semasa

perjalanan yang dibuatnya bersama pegawai yang menuju ke Kyoto untuk memberi penghormatan tahunan (bersama kuda-kuda yang akan dihadiahkan) kepada maharaja atas nama syogun. Siri ini menjadi kejayaan besar kerana minat yang meluas terhadap pengembalaan pada waktu itu.

Gaya seni inovatif

Siri Tokaido menjadikan Hiroshige sebagai pencipta gambar landskap yang termasyhur. Penggunaan ruangannya, bersama penerapannya tentang perspektif linear Barat yang luar biasa, sangat hebat. Dan percetakan warna bersenggat memberikan lukisan pemandangan gaya liriknya yang indah.

Jendela ke dalam dunia Edo

Hiroshige dan Hokusai suka melancong. Mereka ingin mengembara; mereka akan berbual dengan sesiapa yang mereka temui dalam perjalanan –dan bersapa apabila bertemu lagi. Cetakan lanskap Hiroshige dan Hokusai

bersama-sama seakan membentuk sebuah buku harian perjalanan Edo. Lukisan lanskap Hiroshige dipenuhi dengan emosi dan kerinduan, kesedihan, dan kegembiraan. Ada masanya beliau disifatkan sebagai “pelukis kembara” kerana beliau menjelajahi ke seluruh pelosok negaranya, pada masa-masa yang berlainan dalam setahun, demi meneroka keindahan Jepun. Beliau meninggal secara mengejut, semasa wabak kolera pada tahun 1858.

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III 歌川国貞 (1786–1864)

Sebagai murid Utagawa Toyokuni, Kunisada bekerja terutamanya dalam genre cetak pelakon dan wanita cantik (bijin-ga). Menjelang akhir hayatnya, beliau memilih Toyokuni sebagai nama seninya dan menjadi pemimpin kumpulan seniman Utagawa. Beliau telah mencipta puluhan ribu karya sepanjang hayatnya, menjadikan beliau yang paling produktif dalam kalangan seniman *ukiyo-e* (beliau merupakan seniman yang

paling terwakili dalam pameran ACM dengan termasuknya 40 cetakan). Sezamannya, beliau lebih dihormati daripada Hokusai, Hiroshige, atau Kuniyoshi.

Utagawa Kuniyoshi 歌川国芳 (1797–1858)

Kuniyoshi dilahirkan di daerah Nihonbashi di Edo. Semasa kanak-kanak, beliau menolong bapanya di bengkel untuk mewarnakan kain. Diberi nama Yoshizō atau Yoshisaburō semasa kecil, beliau mengikuti latihan sebagai perantis dengan menggunakan nama Ikusa Magosaburō pada sekitar tahun 1810, di studio Utagawa Toyokuni (1769-1825). Sekitar berusia 17 tahun, beliau memperoleh hak untuk menandatangani karya-karyanya dengan nama Utagawa Kuniyoshi.

Pengalaman dalam banyak media

Siri Suikoden beliau (108 Wira daripada Hikayat Pinggir Air), yang diterbitkan pada tahun 1827, membuatnya terkenal. Beliau dipuji kerana komposisi lukisannya yang dinamik,

penuh tenaga dan gerakan, serta skim warna yang asli. Beliau juga turut memanfaatkan pengalaman mewarnakan kain masa kecilnya dan peningkatan fesyen tatu.

Subjek yang tidak biasa

Populariti Suikoden yang luar biasa memberi Kuniyoshi kedudukan yang menonjol dalam dunia seni. Beliau disebut sebagai “*musha-e Kuniyoshi*” (“gambar pejuang Kuniyoshi”), yang menarik peminat genre itu. Beberapa karyanya yang paling menarik termasuk lukisan hantu, jelmaan, dan setan. Lukisan lanskapnya yang menggunakan unsur-unsur gaya Barat, cetakan komik dengan haiwan antropomorfis, dan cetakan satira yang mengejek masyarakat juga menarik minat yang besar. Lebih-lebih lagi, beliau seorang pencinta kucing! Kuniyoshi meninggal dunia pada usia 63 tahun di rumahnya di Genyadana, di Edo City.

3 Russel Wong

Russel Wong (lahir pada tahun 1961) merupakan jurugambar fesyen dan potret kelahiran Singapura yang terkenal di dunia. Beliau berpengalaman 25 tahun dan telah bekerja bersama pengarah pemenang Oscar dan selebriti Hollywood, termasuk Richard Gere, Jackie Chan, Michelle Yeoh, Zhang Ziyi, dan Isabella Rossellini . Russel adalah salah satu kumpulan elit yang ditugaskan untuk mengambil gambar sampul untuk majalah Time. Selain fotografi potretnya, hasil karya beliau merangkumi komposisi alam-benda, seni bina, lanskap dan banyak lagi.

Di ruang ini, kami juga menawarkan pratunjuk foto Kyoto Russel Wong. Nikmati aneka warna Kyoto yang kaya sepanjang empat musim!